

DATE: 15 / 10 / 2007

## Tun Mahathir terus pulih

UM - 15/10/2007

KUALA LUMPUR, 14 Okt - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merayakan Aidilfitri di Institut Jantung Negara (IJN) terus pulih dan dijangka dibenarkan pulang dalam masa terdekat.

Anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, doktor akan mengawasi keadaan bapanya sepanjang masa bagi memastikan keadaan Tun stabil serta mendapat rehat yang mencukupi.

"Saya fikir dengan rawatan rapi doktor pakar, insya-Allah beliau dapat pulang tidak lama lagi," katanya kepada pemberita di lobi IJN di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menjalani pembedahan pintasan jantung di IJN pada 4 September lepas dan pembedahan kedua bagi membersihkan jangkitan pada 22 September.

Katanya, setakat ini doktor masih tidak membenarkan bapanya menerima sebarang pelawat kerana beliau masih dalam tempoh kuarantin.

"Kami pun bila datang melawat ayah, perlu memakai penutup hidung dan mulut malah tangan pun kena cuci dengan ubat untuk elak sebarang jangkitan," katanya.

Mukhriz yang datang melawat bapanya kira-kira 25 minit itu turut memberitahu sambutan raya tahun ini tidaklah semeriah seperti tahun-tahun lepas kerana keadaan ayahnya itu.

"Walaupun beraya di IJN ini, yang penting kedua-dua mak dan ayah sihat dan dapat beraya bersama keluarga," katanya.